

SOALAN NO.: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
23 OKTOBER HINGGA 30 NOVEMBER 2017

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2017 [KHAMIS]

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah status eksport komoditi kelapa sawit ke Negara-Negara Eropah sejak mereka menekankan piawaian RSPO mereka sendiri kepada negara-negara pengeksport minyak kelapa sawit.

5

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 2016, Malaysia menghasilkan sejumlah 3.58 juta tan *Certified Sustainable Palm Oil* (CSPO). Bagi tempoh Januari hingga September 2017, sebanyak 3.47 juta tan CSPO dihasilkan. Eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara-negara Eropah pada tahun 2016 berjumlah 3.59 juta tan dengan nilai eksport sebanyak RM10.26 bilion. Ini mencakupi 15.2% daripada jumlah nilai eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit pada tahun 2016.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017, sejumlah 2.31 juta tan minyak sawit dan produk berasaskan sawit telah dieksport ke negara-negara Eropah, iaitu merosot 0.9% berbanding 2.33 juta tan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2016. Ini disebabkan peningkatan pengeluaran minyak sayuran dan lemak di negara-negara Eropah serta peningkatan import minyak bunga matahari. Walau bagaimanapun, dalam tempoh yang sama, nilai eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit telah meningkat 18.7% kepada RM7.50 bilion berbanding RM6.32 bilion.

Produk sawit utama yang dieksport untuk tempoh Januari hingga Ogos 2017 ke negara-negara Eropah adalah:

- minyak sawit berjumlah 1.20 juta tan bernilai RM3.79 bilion;
- produk oleokimia berjumlah 0.53 juta tan bernilai RM2.20 bilion; dan
- minyak isirung sawit berjumlah 0.17 juta tan bernilai RM0.97 bilion.

Tuan Yang Di-Pertua,

Penerimaan minyak sawit Malaysia di negara-negara Eropah adalah baik walaupun terdapat cabaran seperti tanggapan negatif terhadap minyak sawit yang berkait dengan isu alam sekitar, pemakanan dan kemampunan minyak sawit. Di kalangan negara-negara Eropah, minyak sawit digunakan dalam industri makanan dan bukan makanan terutamanya biodiesel.

Sekian, terima kasih